

09 DEC 2003

Musa-Penggiliran

UMNO SABAH CAPAI SATU KETETAPAN MENGENAI PENGGILIRAN KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 9 Disember (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Sabah yang bermesyuarat hari ini telah membuat satu ketetapan mengenai pendiriannya terhadap isu penggiliran jawatan Ketua Menteri, kata Ketua Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Musa Aman.

"Mengenai isu penggiliran kita juga telah mengadakan mesyuarat secara panjang lebar dengan semua ketua-ketua penaja bahagian telah melahirkan pandangan masing-masing kepada saya," katanya dalam satu sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini, hari ini.

Musa yang juga Ketua Menteri Sabah tidak menjelaskan butir-butir mengenai ketetapan itu kepada para pemberita selain berkata beliau sendiri akan berjumpa dengan setiap ketua parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah bagi memberi penerangan mengenai pendirian Umno di masa depan dalam hal penggiliran jawatan Ketua Menteri itu.

Selain daripada Umno, parti-parti komponen BN Sabah termasuklah Parti Bersatu Sabah (PBS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Parti Maju Sabah (SAPP), dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

Ditanya bilakah beliau akan mengadakan perjumpaan dengan kesemua ketua-ketua parti komponen BN secara serentak, Musa berkata: "Saya akan mengadakan perjumpaan dengan mereka bila masanya sesuai, bagaimanapun saya akan berjumpa dulu satu per satu ketua parti komponen."

Sistem penggiliran Ketua Menteri itu telah diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan mula dilaksanakan oleh Barisan Nasional Sabah pada Mac 1994.

Ia bertujuan memberi peluang kepada para pemimpin tiga masyarakat utama di Sabah, Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina menerajui negeri ini selama dua tahun secara bergilir.

Sistem ini kemudiannya melalui sedikit pindaan pada Mac 2001 yang memberikan kelebihan kepada Umno, dengan pemimpin Umno akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri setiap kali berakhirnya giliran sesuatu kaum.

Sebanyak tujuh Ketua Menteri telah dilantik melalui sistem itu, iaitu Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan Ketua Menteri sekarang Datuk Seri Musa Aman.

-- BERNAMA

MK PR